


Headline	Neraka kahwin kedua		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	60	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,780
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,340



Neraka kahwin kedua

■ Ibu tiga anak dijangkiti HIV berikutan suami penagih dadah



Oleh Shalfarina Shahrman
am@hmetro.com.my

Kuantan

“Perkahwinan kali kedua yang dianggap syurga rupanya bertukar menjadi neraka dalam kehidupan saya.

“Akibat terlalu mempercayai dia (bekas suami) akan berubah, saya sanggup berkahwin dengannya, namun tidak sangka saya turut menjadi mangsa jangkitan HIV berikutan ketagihan dadahnya sukar dirawat,” kata seorang wanita yang disahkan dijangkiti HIV, Liza, 35.

Ibu kepada tiga anak berusia lima hingga 12 tahun itu berkata, jangkitan berlaku apabila bekas suaminya yang berusia 33 tahun berkenaan adalah penagih dadah tegar yang juga seorang pembawa HIV positif.

Katanya, pada awal perkahwinan lagi dia tahu suaminya penagih, namun atas dasar percaya dan cintakan lelaki itu, dia sanggup

menerimanya.

“Hampir 10 tahun saya berkahwin dengan dia, namun pada 2006, dunia bagaikan gelap selepas saya disahkan menghidap HIV.

“Akibatnya, saya tidak bercakap serta bergaul dengan orang ramai selama sebulan, namun syukurlah selepas diberi kaunseling oleh pihak hospital, saya akhirnya dapat menerima takdir ini,” katanya ketika ditemui dalam program penaajaan tahunan gas memasak NGC Energy Sdn Bhd kepada rumah perlindungan Majlis Aids Malaysia (MAM) di Pusat Pemulihan Dadah (DIC) Casa Harapan, di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden MAM, Datuk Dr Raj Karim, Pengurus Besar NGC, Julianna Kamarudin dan Presiden DIC Pahang, Khalid Hashim.

Liza berkata, sepanjang tempoh perkahwinan dia terpaksa bekerja bagi menanggung perbelanjaan keluarga berikutan lelaki berkenaan tidak mempunyai pekerjaan dan sering dibelasah jika tidak

“Hanya mereka saja yang boleh mengubah nasib masing-masing jika mempunyai kesedaran”

Liza

memberinya wang.

“Syukurlah... anak tidak mendapat jangkitan HIV, selepas mendapat perlindungan DIC kira-kira tiga tahun lalu, hidup saya kini jauh lebih bermakna dan terurus berbanding dulu.

“Saya ingin menasihati wanita yang bakal berkahwin dengan penagih supaya tidak menaruh harapan terlalu tinggi untuk melihat mereka berubah.

“Hanya mereka saja yang boleh mengubah nasib masing-masing jika mempunyai kesedaran,” katanya.